

10/09/2000

Pemenang hadiah nobel beri ceramah

PUTRAJAYA: Pakar teknologi Malaysia boleh mendapatkan gambaran mengenai masa depan industri IT apabila pemenang hadiah nobel 1999, Horst Stormer menyampaikan ceramah di sebuah forum teknologi di sini, November ini.

Naib Pengerusi Lucent Technologies Inc, Ben Verwaayen berkata, ia peluang baik bagi rakyat Malaysia untuk mendengar Stormer bercakap mengenai dunia IT yang terus berubah.

Verwaayen, antara anggota Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (IAP) berkata, Stormer akan menyampaikan isu menarik.

Beliau mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini, semalam.

(END)